



UPM-Mitsubishi terus komited memulihara hutan kali ke-21.

UPM-Mitsubishi terus komited pulihara hutan

Oleh Noor Eszereen Juferi
bhvarsiti@bharian.com.my

► Bintulu

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Mitsubishi Corporation terus mempamerkan komitmen menganjurkan program penanaman pokok bagi kali ke-21 di UPM Kampus Bintulu (UPMKB), baru-baru ini.

Menteri Muda Pelancongan Sarawak, Datuk Talip Zulpilip, berkata usaha UPM dengan kerjasama Mitsubishi Corporation dalam memulihara hutan menerusi program itu boleh mencapai matlamat untuk mewujudkan kelestarian alam sekitar.

Beliau berkata, program itu penting untuk masyarakat, bukan saja untuk mendalami isu perlindungan alam sekitar, malah mencetuskan idea baru berkaitan dengan pemuliharaan hutan di Malaysia.

"Program ini menjadi platform untuk pelajar, penyelidikan UPM serta pemegang taruh untuk berkongsi ilmu selain membangunkan teknik pemuliharaan hutan dalam mengekalkan keindahan kawasan hutan.

"Saya menyeru semua pihak supaya bekerjasama untuk menjadikan negara sebagai bandar hijau agar perlu berterusan untuk memulihara alam sekitar khususnya kepada generasi muda," katanya pada majlis perasmian penanaman pokok hutan UPMKB bersama Mitsubishi Corporation ke-21.

Dana dimanfaatkan

Seramai 350 sukarelawan Mitsubishi Corporation, Jepun, pensyarah serta pelajar UPMKB mengambil bahagian dalam program itu di kawasan tapak projek pemuliharaan Hutan UPM-Mitsubishi di UPM Kampus Bintulu, Sarawak.

Pada 2008, penghasilan semula model hutan tropika

di lokasi yang sama seluas 27 hektar membabitkan penanaman 3,000 anak pokok hutan daripada spesies utama.

Selain Mitsubishi Corporation, Yokohama National University, Jepun (YNU) juga telah menjalankan kerjasama dengan UPM menerusi projek penanaman pokok di UPM kampus Bintulu, Sarawak pada 1990. Projek itu mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada Mitsubishi Corporation, Jepun dengan peruntukan permulaan berjumlah RM5 juta bagi tempoh empat tahun pertama.

Sejak 1991 sehingga kini, sebanyak 350,000 pokok hutan daripada 128 spesis ditanam di Kampus Bintulu seluas 47 hektar.

Buat kajian

Perintis konsep model hutan yang dibangunkan di Serdang adalah berdasarkan konsep yang berjaya dibangunkan di UPMKB iaitu 'concept of vegetation association' yang diperkenalkan oleh Prof Dr Akira

Miyawaki daripada YNM dan digabungkan dengan concept of accelerating natural vegetation oleh mantan Dekan UPMKB, Prof Datuk Dr Nik Muhamad Abd Majid.

Melalui penubuhan projek itu di Serdang dan Bintulu, pelbagai projek penyelidikan boleh dijalankan bukan saja oleh saintis dari Jepun, malah pelajar serta pensyarah UPM.

Antara penyelidikan utama yang dijalankan ialah sains tanah, kualiti air, entomologi, perubahan iklim, hidupan liar, kepelbagaian biologi, ekonomi, fisiologi dan patologi.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof Dr Renuganth Varatharajoo, berkata kerjasama 21 tahun UPM dengan Mitsubishi Corporation dalam menjayakan misi penyelidikan bagi memulihara ekosistem hutan hujan tropika dan perubahan cuaca global harus dimanfaatkan oleh warga kampus.